Program Kepolisan Moden turunkan kadar jenayah

BH 24/03/2018 MS 7

Usaha berterusan mengurangkan indeks jenayah dalam negara menunjukkan pencapaian memberangsangkan menerusi penurunan kadar jenayah sehingga 53 peratus dari 2010 hingga 2017.

Ia didorong pelaksanaan program Kepolisan Moden yang membolehkan pihak berkuasa lebih pantas bertindak dan menyelesaikan kes jenayah.

Keputusan berdasarkan Petunjuk Persepsi Jenayah (PCI) bagi tempoh 2016 hingga 2017 memberi isyarat rakyat negara ini berasa lebih selamat menerusi penurunan sehingga 40 peratus.

Ia juga didorong pewujudan 1,687 program Polis Diraja Malaysia bersama komuniti sepanjang 2017 yang bukan sahaja merapatkan hubungan polis dengan rakyat, malah tingkat kesedaran dan tanggungjawab masyarakat dalam mencegah serta membanteras jenayah.

Tahun ini, Kepolisan Moden akan dilaksanakan di 22 balai polis di ibu negara, membabitkan 11,500 pegawai selain penumpuan terhadap 64 kawasan berisiko tinggi menerusi Program Pemerkasaan Komuniti (CEP).

Bagi memastikan usaha mengurangkan indeks jenayah tercapai, program peluang kedua kepada banduan dan program dekriminalisasi penyalahgunaan dadah menerusi pembabitan komuniti turut diperkenalkan.

Kejayaan program itu dapat dilihat apabila projek perintis pemulihan dadah di Besut dapat memulihkan 54 peratus penagih, sekali gus mengelak mereka daripada kembali terjebak dengan kegiatan itu serta jenayah lain.

Perkukuh kawalan sempadan

Sepanjang 2017, Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) 2017 dan Pindaan Arahan Majlis Keselamatan Negara No 15 diperkenal bagi memperkukuh kawalan sempadan.

Pengenalan undang-undang baharu itu bertujuan menangani ancaman dan jenayah rentas sempadan seperti pemerdagangan manusia, penyeludupan serta pengedaran dadah, selain penyeludupan dan penjualan senjata api.

Tahun lalu juga, AKSEM melaksanakan 145.8 peratus daripada enam inisiatif kejayaan pantas bagi memperkasa kawalan sempadan negara membabitkan latihan pentauliahan serta pembangunan kakitangan keselamatan, pengenalan dan pelaksanaan ketekunan wajar serta ujian integriti, sesi bina pasukan suku tahunan, program kesedaran sempadan, pusingan kerja setiap enam bulan hingga 12 bulan di sempadan dan penguatkuasaan lebih tegas bagi komuniti di sempadan.

JENAYAH INDEKS MENURUN SEBANYAK 53% SEJAK 2010



KEPUTUSAN PENUNJUK PERSEPSI JENAYAH BERTAMBAH BAIK

Tinjauan PCI yang dijalankan di Kuala Lumpur mendapati persepsi rasa takut orang awam terhadap kemungkinan menjadi mangsa jenayah menurun kepada 31% berbanding 61% pada 2016

Tinjauan ini telah diperluaskan ke Selangor, Pulau Pinang dan Johor pada 2017

Pengurangan purata untuk 4 negeri yang berkenaan